13/4/82

13 APR 1982



DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua dari kanan) dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah (tengah) melihat contoh perabot yang dikeluarkan oleh kilang perabut Elite-Wood Product selepas Perdana Menteri merasmikan kilang tersebut di Parit Buntar, Perak semalam.

Kilang tersebut, projek usahasama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan sebuah syarikat Australia, mempunyai modal yang dibenarkan berjumlah $2 juta.

Ia mempunyai 60 pekerja dan mengeluarkan berbagai jenis perabot yang diperbuat dari kayu tempatan.

Terdahulu dari itu, ketibaan Perdana Menteri dan isterinya disambut oleh beribu-ribu penduduk tempatan yang ingin menyaksikan dengan lebih dekat wajah pemimpin terulung mereka. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 2587
No. Penerimaan 337/85